



28 Julai 2017
28 July 2017
P.U. (A) 221

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN KE ATAS TERBITAN ATAU PENAWARAN SUKUK PELABURAN MAMPAH DAN BERTANGGUNGJAWAB) 2017

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE ON
ISSUANCE OR OFFERING OF SUSTAINABLE AND
RESPONSIBLE INVESTMENT SUKUK) RULES 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN KE ATAS
TERBITAN ATAU PENAWARAN SUKUK PELABURAN MAMPAH DAN
BERTANGGUNGJAWAB) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan ke atas Terbitan atau Penawaran Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab) 2017.**

(2) Kaedah-kaedah ini disifatkan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2020.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-kaedah ini, “syarikat” ertinya suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia yang—

(a) diperbadankan, atau disifatkan telah didaftarkan, di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]; atau

(b) diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*] dan syarikat itu telah membuat pilihan di bawah seksyen 3A Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*] untuk dikenakan cukai mengikut Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

Potongan

3. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu syarikat daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat itu ke atas terbitan atau penawaran Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab yang diluluskan atau